PERBADANAN NASIONAL

**SIARAN AKHBAR**

# SYAWAL KUKUHKAN SILATURRAHIM ANTARA PNS DAN RAKAN STRATEGIK

**BUKIT KIARA, 27 Jun 2019** – Bertemakan 'Semurni Ikatan, Seindah Lebaran', seramai lebih 1,000 tetamu terdiri daripada rakan-rakan strategik dan perniagaan serta kementerian bersama agensi hadir di Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran Perbadanan Nasional (PNS) bertempat di Bukit Kiara Equestrian & Country Resort hari ini.

Istimewanya kali ini, selain daripada menyediakan pelbagai jenis juadah makanan Hari Raya, para tetamu turut disajikan dengan produk makanan dan minuman dari usahawan program *Business in Transformation* (BIT) iaitu Churros Time, Eyda Ice-Cream, Takoyosh, Old Time Sengkuang Calit, MD Putu Bambu, Rezqool dan turut menyediakan menu dari Gloria Jean's Coffees dan 1901 dan D'Tandoor.

Para tetamu yang hadir juga berpeluang menikmati persembahan daripada penyanyi tersohor, Jamal Abdillah dan kumpulan muzik, Le Rumba sebagai halwa telinga sepanjang majlis tersebut berlangsung.

Pengerusi PNS, YBhg. Datuk Dzulkifli Fadzilah berkata majlis yang diadakan setiap tahun ini merupakan perantara dalam menjalinkan hubungan yang lebih erat antara warga kerja dengan rakan-rakan strategik, kementerian dan agensi. Majlis ini juga turut menghimpunkan usahawan-usahawan seperti francaisor dan francaisi dan membuka peluang untuk mengenali para usahawan ini yang lebih dekat.

"Bagi memeriahkan lagi majlis ini, PNS turut menjemput usahawan Program BIT dan *food truck* bagi menyediakan lebih banyak pilihan makanan dan minuman sekaligus mempromosikan mereka kepad tetamu yang hadir."

Dalam masa yang sama, beliau juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tetamu-tetamu yang sudi meluangkan masa untuk hadir ke majlis ini dan warga kerja yang telah bertungkus lumus memastikan majlis hari ini berjalan lancar.

---

Untuk urusan media, sila hubungi Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Strategik melalui emel, hamidah.ibrahim@pns.com.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

---

**PERBADANAN NASIONAL (PNS)**

Perbadanan Nasional (PNS) adalah sebuah agensi yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) yang diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia. PNS mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakaran dalam memberikan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti.

PNS juga berperanan di dalam mempelopori dan menerajui pertumbuhan industri francais negara demi merealisasikan matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang perniagaan francais. Salah satu objektif utama PNS adalah untuk membangunkan produk tempatan dan mengembangkannya ke luar negara. PNS juga menyediakan khidmat nasihat dan skim-skim khas bagi francaisor dan francaisi serta mengalu-alukan rakan francais ke Malaysia.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, PNS juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat PNS Wilayah Utara, Pejabat PNS Wilayah Timur, Pejabat PNS Wilayah Selatan, Pejabat PNS Wilayah Sabah dan Pejabat PNS Wilayah Sarawak yang bersedia menjalankan tanggungjawab bagi melahirkan lebih ramai francaisor dan francaisi bertahap antarabangsa.